

AKPS ambil alih tugas pemeriksaan sempadan

Pindah lebih 1,000 pegawai JKDM ke AKPS mulai 1 Oktober

Oleh MUHAMMAD AMINURALF MOHD ZOKI PUTRAJAYA

sempadan.

Beliau berkata, secara keseluruhan, sebanyak 1,053 waran perjawatan pegawai JKDM telah dipindahkan kepada AKPS.

"Fasa pertama pelaksanaan bermula pada 1 Januari lalu di Rantau Panjang, Kelantan, melibatkan lapan pegawai JKDM yang dipindahkan ke AKPS.

"Fasa kedua melibatkan 21 pintu masuk tambahan dengan perpindahan seramai 1,045 pegawai pada 1 Oktober 2025," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurut beliau, dengan pengambilalihan itu, AKPS kini bertanggungjawab melaksanakan pemeriksaan terhadap pergerakan individu, kenderaan serta barangan dagangan di semua pintu masuk



ANIS RIZANA

sempadan negara.

"JKDM pula akan terus kekal sebagai agensi pemungut cukai tidak langsung utama negara di semua pintu masuk darat, laut dan udara, dengan memberi tumpuan kepada fungsi teras iaitu penaksiran serta kutipan cukai," katanya.

Anis Rizana berkata, penguatkuasaan peranan AKPS diyakini mampu memperkukuh usaha membanteras penyeludupan serta jenayah rentas sempadan, selain menjamin keselamatan rakyat dan memelihara kedaulatan negara.

"JKDM optimis bahawa kerjasama erat dengan AKPS akan memastikan proses pelepasan dagangan dan pergerakan individu berjalan lancar serta menyumbang kepada peningkatan hasil negara," katanya.

Ageni Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) kini secara rasmi mengambil alih sepenuhnya fungsi pemeriksaan di pintu masuk sempadan negara yang sebelum ini dilaksanakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, langkah itu merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan untuk memperkukuh kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di